

Headline	Pelajar terima bantuan Iqra'		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Nov 2013	Color	Full Color
Section	Sentral	Circulation	192,982
Page No	N4	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	345 cm ²
Journalist	Abnor Hamizam Abd Manap	AdValue	RM 11,635
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,905



Pelajar terima bantuan Iqra'

» *Tabung Haji
sumbang
wang tunai,
pakaian
sekolah*

Oleh **Abnor Hamizam
Abd Manap**

► **Bandar Seri Jempol**

Seramai 194 pelajar keluarga berpendapatan rendah sekitar Jempol dan Jelevu, terpilih menerima sumbangan Projek Iqra' Lembaga Tabung Haji (TH), kali kedua di negeri ini.

Timbalan Pengarah TH negeri, Ramlan Saino, berkata pelajar terbabit menerima sumbangan wang tunai dan pakaian sekolah bernilai RM500 setiap seorang.

Katanya, projek berkenaan program pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat TH dalam usaha mengagihkannya zakat bagi

tujuan pendidikan berjumlah RM1.4 juta kepada 2,958 pelajar kurang berkemampuan di seluruh negara, tahun ini.

"Bagi Projek Iqra' di Negeri Sembilan kali ini, kita memilih pelajar dari daerah Jempol dan Jelevu. Tahun lalu, kita memilih pelajar dari Seremban," katanya selepas majlis penyerahan sumbangan Projek Iqra' di Pejabat Pendidikan Daerah Jempol dan Jelevu, di sini.

Yang turut hadir, Pegawai Pendidikan Daerah Jempol dan Jelevu, Rodiah Mohd Jan.

Suntik semangat

Ramlan berkata, pemberian sumbangan itu diharap menjadi suntikan semangat dan pendorong motivasi pelajar terbabit untuk berusaha lebih gigih menuntut ilmu dan menempa kecemerlangan dalam bidang akademik.

Mohd Aizuddin Md Ali, 16, pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) FELDA Palong 11, di sini, yang pertama kali menerima sumbangan, berkata beliau tidak menyangka terpilih sebagai penerima.

Ringan beban keluarga

Anak bongsu daripada tiga beradik itu berkata, sumbangan itu dapat meringankan beban ibu bapanya untuk membuat persediaan menghadapi sesi persekolahan tahun depan.

Ibu tunggal, Azizah Lajis, 38, dari Rompin, berkata sumbangan itu sangat melegakan ketika beliau sedang berusaha mengumpul wang untuk membuat persediaan persekolahan lima anaknya berusia 13 tahun hingga 17 tahun.

Headline	Pelajar terima bantuan Iqra'		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Nov 2013	Color	Full Color
Section	Sentral	Circulation	192,982
Page No	N4	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	345 cm ²
Journalist	Abnor Hamizam Abd Manap	AdValue	RM 11,635
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,905



“
Saya mengucapkan terima kasih kepada TH kerana memberi sumbangan yang amat bermakna kepada keluarga kami”

Azizah Lajis,
 Ibu tunggal



Ramlan menyerahkan sumbangan kepada Mohd Luqman Nur Hakim Anuar pada majlis penyampaian sumbangan Projek Iqra' TH di Bilik Seminar, Pejabat Pendidikan Daerah Jempol dan Jelebu, Bandar Seri Jempol.

[FOTO ABNOR HAMIZAM ABD MANAP/BH]